



10 Jun 2015

Profesor Madya Dr Suriani Binti Abu Bakar  
Jabatan Fizik  
Fakulti Sains dan Matematik  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjong Malim  
Perak Darul Ridzuan

Puan,

**PELANTIKAN JAWATANKUASA PENGAJIAN (JKP) BAGI PROGRAM SARJANA  
TEKNOLOGI (SAINS BAHAN), FAKULTI SAINS, UNIVERSITI MALAYA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Fakulti telah bersetuju melantik puan sebagai Ahli Jawatankuasa Pengajian (JKP) bagi Program Ijazah Sarjana Teknologi (Sains Bahan), Fakulti Sains, Universiti Malaya. Bidang tugas puan adalah seperti berikut:

- (a) Menguruskan perkara-perkara akademik berkaitan dengan Fakulti termasuk penggubalan kurikulum, pengenalan kursus baharu, semakan kurikulum dan lain-lain yang berkaitan;
- (b) Mempertimbangkan cadangan untuk program baharu/semakan kurikulum sebelum Fakulti boleh mengemukakan cadangan tersebut kepada Senat bagi tujuan kelulusan.


Sehubungan dengan itu, satu mesyuarat Jawatankuasa Pengajian (JKP) akan diadakan seperti berikut :

Tarikh / Hari : **16.06.2015 (Selasa)**  
Masa : **10.00 pagi**  
Tempat : **Bilik Mesyuarat 1, Pejabat Dekan Sains  
Fakulti Sains, Universiti Malaya**

Diharapkan agar penglibatan puan dalam proses semakan kurikulum ini dan dapat memberi manfaat kepada program yang bakal ditawarkan. Sebarang maklumat lanjut, boleh dikemukakan terus kepada Puan Fathiyah Abd Malik (fathiyah@um.edu.my) atau di talian 03 – 7967 4221.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

  
**PROFESOR DR. ZANARIAH ABDULLAH**  
Dekan  
Fakulti Sains

s.k Ketua Jabatan Fizik, Fakulti Sains